# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 451

### AKTA KEWANGAN 1991

Tarikh Persetujuan Diraja ... 28hb Mac 1991

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... ... ... 11hb April 1991

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 451

## AKTA KEWANGAN 1991

---

SUSUNAN SEKSYEN

---

BAB I

PERMULAAN

Seksyen


1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan Akta-akta.


BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967


3. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pemotongan seksyen 3A.
5. Pindaan seksyen 6.
6. Pindaan seksyen 6A.
7. Pindaan seksyen 19.
8. Seksyen baru 34B.
9. Pindaan seksyen 39.
10. Pindaan seksyen 43.
11. Pindaan seksyen 44.
12. Pindaan seksyen 45.
13. Pindaan seksyen 46.
14. Pindaan seksyen 47.
15. Pindaan seksyen 48.
16. Pindaan seksyen 49.
17. Pindaan seksyen 50.
18. Pindaan seksyen 65A.
19. Pindaan seksyen 78.
20. Pindaan seksyen 82.

Seksyen

21. Pindaan seksyen 109C.
22. Pindaan seksyen 130.
23. Pindaan seksyen 153.
24. Pindaan Jadual 1.
25. Pindaan Jadual 3.
26. Jadual baru 4B..
27. Pindaan Jadual 5.
28. Pindaan Jadual 6.
29. Pindaan Jadual 7A.

BAB III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN 1967

30. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
31. Pindaan seksyen 13.
32. Pindaan seksyen 15.
33. Pindaan seksyen 16.

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

34. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.
35. Pindaan seksyen 18.
36. Pindaan Jadual 2.

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

37. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 1967.
38. Pindaan seksyen 155.
39. Pindaan seksyen 158.
40. Pindaan seksyen 160.

BAB VI

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Seksyen

41. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

42. Pindaan seksyen 2.

43. Pindaan seksyen 19.

44. Pindaan seksyen 71.

45. Pindaan seksyen 73.

46. Pindaan seksyen 77.

47. Pindaan seksyen 79.

BAB VII

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

48. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

49. Pindaan seksyen 2.

50. Pindaan seksyen 12.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA EKSAIS 1976

51. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Eksais 1976.

52. Pindaan seksyen 88.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 451

## AKTA KEWANGAN 1991

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAB I

### PERMULAAN

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan 1991. **Tajuk ringkas.**

**2.** Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976 adalah dipinda masing-masingnya mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V, VI, VII dan VIII. **Pindaan Akta-Akta.** *Akta 53. Akta 54. 45/67. Akta 235. Akta 64. Akta 151. Akta 176.*

## BAB II

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

**3.** (1) Kecuali bagi seksyen 7, 10, 11 *(a)*, 11 *(b)*, 19, 20 *(b)*, 21, 23, 26, 27, 28 *(d)* dan 28 *(e)*, Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 19, 20 *(b)*, 23 dan 27 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 14hb Disember 1990.

(3) Seksyen 7, 10, 11 *(a)*, 11 *(b)* dan 26 hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) seksyen 21, 28 *(d)* dan 28 *(e)* hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1989.

Pemotongan seksyen 3A. *Akta 53.*

**4.** Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 3A.

Pindaan seksyen 6.

**5.** Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan *(c)* subseksyen (1).

Pindaan seksyen 6A.

**6.** Seksyen 6A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah bertindih selepas sahaja perkataan-perkataan "ten thousand ringgit" dalam perenggan *(a)* subseksyen (2) dengan koma bertitik dan memotong proviso kepadanya.

Pindaan seksyen 19.

**7.** Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Schedule 2, 3, 4 and 4A" dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan "Schedules 2, 3, 4, 4A and 4B".

**8.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 34A, seksyen baru 34B yang berikut: Seksyen baru 34B.

"Special deduction for contribution to an approved research institute or payment for use of services of an approved research institute or company.

34B. (1) Subject to this section, in ascertaining the adjusted income of a person from a business for the basis period for a year of assessment, a deduction shall be made, as specified in subsection (3), from the gross income from the business for that period in respect of expenditure, not being capital expenditure, incurred by that person during that period in respect of—

*(a)* contribution in cash to an approved research institute; or

*(b)* payment for the use of the services of an approved research institute or an approved research company.

(2) The amount of deduction to be made under subsection (1) shall be twice the amount of expenditure, not being capital expenditure, referred to in that subsection.

(3) Where any deduction in respect of expenditure referred to in subsection (1) is made under this section, no deduction in respect of that expenditure shall be made under section 33, 34 or 34A.

(4) In this section—

*(a)* an "approved research institute" means an institute, including a company licensed under section 24 of the Companies Act 1965, approved by the Minister to wholly carry on research in an industry specified in the approval and to commercially exploit the benefit of such research thereof; *Act 125.*

*(b)* an "approved research company" means a company, other than a company licensed under section 24 of the Companies Act 1965, approved by the Minister to wholly carry on research in an industry specified in the approval and to commercially exploit the benefit of such research thereof.".

Pindaan seksyen 39.

**9.** Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "twenty-five" di mana-mana jua ia terdapat dalam perenggan *(k)* subseksyen (1) dengan perkataan "fifty".

Pindaan seksyen 43.

**10.** Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "or 4A" dalam perenggan *(c)* subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan ", 4A or 4B".

Pindaan seksyen 44.

**11.** Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan-perkataan "or 4A" dalam perenggan *(b)* subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan ", 4A or 4B";

*(b)* dengan menggantikan perkataan-perkataan "subsection (2), Schedule 4 or Schedule 4A" dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan "subsection (2) or Schedule 4, 4A or 4B"; dan

*(c)* dengan menggantikan noktah bertindih selepas sahaja perkataan "concerned" dalam subseksyen (6) dengan noktah dan memotong proviso kepadanya.

Pindaan seksyen 45.

**12.** Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Where an individual and a wife of his were living together in the basis year for a year of assessment and did not in that basis year cease to live together or to be husband and wife of each other, then the wife may elect in writing before the first day of April in the year of assessment or any subsequent date (as may be permitted by the Director General) in the year of assessment that her total income shall be aggregated with the total income (if any) of her husband and assessed in his name for that year of assessment:

Provided that where a wife is not resident for the basis year for a year of assessment, she may

elect under this subsection only if she is a citizen."; dan

(*b*) dengan memotong subseksyen (4), (5) dan (6).

**13.** Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 46.

(*a*) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (*a*);

(*b*) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (*b*) dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas sahaja koma bertitik itu, perkataan "and"; dan

(*c*) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (*b*), perenggan baru (*c*) yang berikut:

"(*c*) an amount limited to a maximum of one thousand ringgit in respect of medical expenses expended in that basis year by that individual for his parents:

Provided that the claim is evidenced by a receipt by a medical practitioner certifying that treatment was provided to the parents.".

**14.** Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 47.

(*a*) dengan menggantikan perkataan "two" di mana-mana jua ia terdapat dalam subseksyen (1) dan (3) dengan perkataan "three";

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "the income from her employment, pension or profession" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "her income"; dan

(*c*) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

"(5) Notwithstanding section 45(2) but subject to subsection (4), where an individual's wife has no total income which can be aggregated with that of her husband for a year of assessment,

an allowance or deduction shall be made to him in respect of that wife under subsection (1).".

Pindaan seksyen 48.

**15.** Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "the income from her employment, pension or profession under section 45 (4)" dalam proviso kepada subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "her income";

(*b*) dengan menggantikan perenggan (*a*) subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(*a*) in respect of children falling under subsection (1) (*a*) to (*c*), for the first five children in order of age, eight hundred ringgit for each child;"; dan

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "four hundred" dalam perenggan (*b*) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "one thousand".

Pindaan seksyen 49.

**16.** Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (1) dengan yang berikut:

"Provided that where section 45(2) and section 50(3)(*b*) or (*c*) apply, there shall be allowed for that year of assessment a further deduction of the aggregate amount of the payments or contributions or both made by the wife or a deduction of three thousand five hundred ringgit, whichever is the less.".

Pindaan seksyen 50.

**17.** Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Subject to subsection (4), in" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "In";

(*b*) dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan-perkataan "any premium" dalam perenggan (*b*) subseksyen (3), perkataan-perkataan "where section 45 (2) applies to the husband and the wife

for the year of assessment to which the relevant year relates,"; dan

(*c*) dengan memotong subseksyen (4).

**18.** Seksyen 65A Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 65A.

(*a*) dengan menomborkan semula seksyen 65A (1) sebagai seksyen 65A; dan

(*b*) dengan memotong subseksyen (2).

**19.** Seksyen 78 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 78.

(*a*) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "chargeable to tax", perkataan-perkataan "or for determining his liability";

(*b*) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan (*b*);

(*c*) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (*c*) dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas sahaja koma bertitik itu, perkataan "or"; dan

(*d*) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (*c*), perenggan baru (*d*) yang berikut:

"(*d*) to provide in writing such information or particulars which the Director General deems necessary.".

**20.** Seksyen 82 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 82.

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "eighteen" dan "twelve" dalam perenggan (*b*) subseksyen (1) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "one hundred and fifty" dan "one hundred"; dan

(*b*) dengan memotong perkataan-perkataan "who is an accountant within the meaning of section 153 (3)" dalam subseksyen (5).

Pindaan seksyen 109C.

**21.** Seksyen 109C Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "a bank licensed under the Banking Act 1973 or the Islamic Banking Act 1983, a finance company licensed under the Finance Companies Act 1969" dan sebutan-sebutan birai mengenai nombor-nombor bagi Akta-Akta dalam subseksyen (4) dengan yang berikut:

"a bank or finance company licensed under the Banking and Financial Institutions Act 1989 or the Islamic Banking Act 1983".

*Act 372.*
*Act 276.*

Pindaan seksyen 130.

**22.** Seksyen 130 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perenggan *(a)* subseksyen (2) dengan yang berikut:

"*(a)* the wife was resident and the individual was a citizen at some time in the basis year for that year of assessment; and";

*(b)* dengan menggantikan perkataan-perkataan "such total income of the wife or the husband as the case may be" dalam subseksyen (8) dengan perkataan-perkataan "the total income of the wife"; dan

*(c)* dengan memotong subseksyen (9).

Pindaan seksyen 153.

**23.** Seksyen 153 Akta ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perkataan "accountants" dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "tax agents";

*(b)* dengan menggantikan perkataan-perkataan "an accountant" di mana-mana jua ia terdapat dalam subseksyen (1), termasuklah dalam perenggan *(a)* dan subperenggan (i) perenggan *(a)* proviso dengan perkataan-perkataan "a tax agent"; dan

*(c)* dengan menggantikan perkataan "accountant" di mana ia mula-mula terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "tax agent".

**24.** Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan Jadual 1.

(*a*) dengan menggantikan kadar-kadar yang terdapat dalam perenggan (1) Bahagian I dengan yang berikut:

| " Chargeable Income | Rate of Income Tax |
|---|---|
| For every ringgit of the first $2,500 ... | 4 per cent |
| For every ringgit of the next $2,500 ... | 7 per cent |
| For every ringgit of the next $5,000 ... | 10 per cent |
| For every ringgit of the next $10,000 ... | 12 per cent |
| For every ringgit of the next $15,000 ... | 17 per cent |
| For every ringgit of the next $15,000 ... | 22 per cent |
| For every ringgit of the next $20,000 ... | 27 per cent |
| For every ringgit of the next $30,000 ... | 32 per cent |
| For every ringgit exceeding $100,000 ... | 35 per cent"; dan |

(*b*) dengan memotong Bahagian III.

**25.** Jadual 3 kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan Jadual 3.

(*a*) dengan menggantikan perkataan "twenty-five" dalam subperenggan (2) perenggan 2 dengan perkataan "fifty";

(*b*) dengan memasukkan, selepas sahaja subperenggan (2) perenggan 62, subperenggan baru (3) yang berikut:

"(3) Where pursuant to an agreement with the Government, State Government or a local authority in respect of a privatisation project an asset used in the privatisation project is disposed of to the Government, State Government or local authority, as the case may be, its disposal value shall be taken to be an amount equal to the net proceeds of the disposal."; dan

(*c*) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "the public" dalam subperenggan (*d*) perenggan 63, perkataan-perkataan "or is that of a telecommunication undertaking providing telecommunication services to the public".

Jadual baru 4B.

**26.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Jadual 4A, Jadual baru 4B yang berikut:

"SCHEDULE 4B

(Sections 43 and 44)

QUALIFYING PRE-OPERATIONAL BUSINESS EXPENDITURE

1. Qualifying pre-operational business expenditure for purposes of this Schedule is expenditure within the meaning of paragraph 2, incurred by a company resident in Malaysia in connection with a proposal by that company to undertake investment in a business venture as approved by the Minister in a country outside Malaysia.

2. Subject to paragraph 1, qualifying pre-operational business expenditure for the purposes of this Schedule is—

(*a*) expenses directly attributable to the conduct of feasibility studies;

(*b*) expenses directly attributable to the conduct of market research or the obtaining of marketing information; or

(*c*) expenses by way of fares in respect of travel to a country outside Malaysia by a representative of the company, being travel necessarily undertaken for the purposes of conducting feasibility study or market survey, and actual expenses, subject to a maximum of four hundred ringgit per day, for accommodation and sustenance for the whole period commencing with the representative's departure from Malaysia and ending with his return to Malaysia.

3. Subject to this Schedule, there shall be deducted for a year of assessment under section 44 (1) an amount equal to so much of the qualifying pre-operational business expenditure as was incurred in the basis period for the year of assessment (in this Schedule that year of assessment being referred to as "the relevant year").

4. Where by reason of the fact that there is for the relevant year no or no sufficient defined aggregate, a deduction which would

otherwise be made under section 44 (1) pursuant to this Schedule cannot be made or can be made only in part, the deduction (or, where the deduction can be made only in part, so much of the deduction as cannot be made) shall be made for the first year of assessment (being a year of assessment subsequent to the relevant year) for which in computing the total income there is a defined aggregate, and so on for the years of assessment subsequent to that first year until the whole amount of the deduction has been made.

5. In this Schedule, "defined aggregate", in relation to a year of assessment, means the aggregate income for that year reduced by a deduction made pursuant to section 44 (2) or Schedule 4 or 4A.".

**27.** Jadual 5 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "an accountant" di mana-mana jua ia terdapat dalam subperenggan *(b)* perenggan 14 dengan perkataan-perkataan "a tax agent". Pindaan Jadual 5.

**28.** Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan Jadual 6.

*(a)* dengan menggantikan perenggan 21 dengan yang berikut:

"21. Subject to paragraph 22, the income of an individual from an employment exercised by him in Malaysia—

*(a)* for a period or periods which together do not exceed sixty days in the basis year for a year of assessment; or

*(b)* for a continuous period (not exceeding sixty days) which overlaps the basis years for two successive years of assessment; or

*(c)* for a continuous period (not exceeding sixty days) which overlaps the basis years for two successive years of assessment and for a period or periods which together with that continuous period do not exceed sixty days,

if he is not resident for that basis year or for each of those basis years, as the case may be.";

(*b*) dengan menggantikan perkataan "or" dalam subperenggan (*a*) perenggan 30 dengan perkataan "and";

(*c*) dengan menggantikan subperenggan (*b*) perenggan 30, dengan yang berikut:

"(*b*) where the pension is paid other than under any written law, from a pension or provident fund, scheme or society which is an approved scheme.";

(*d*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Banking Act 1973" dan sebutan birai mengenai nombor Akta itu dalam perenggan 33 masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "Banking and Financial Institutions Act 1989" dan "*Act 372.*"; dan

(*e*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "section 14 of the Banking Act 1973" dalam proviso kepada perenggan 33 dengan perkataan-perkataan "section 37 of the Banking and Financial Institutions Act 1989" dan memotong sebutan birai mengenai nombor Akta itu.

Pindaan Jadual 7A.

**29.** Jadual 7A kepada Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan "approved" dalam perenggan 1 dan 2 dengan perkataan "qualifying";

(*b*) dengan menggantikan perkataan "twelve" dalam subperenggan (*b*) perenggan 2 dengan perkataan "seventeen";

(*c*) dengan memotong angka-angka ", 34" dalam subperenggan (*c*) perenggan 7;

(*d*) dengan menggantikan perkataan "approved" dalam perenggan 8 dengan perkataan "qualifying"; dan

(*e*) dengan menggantikan subperenggan (*a*) perenggan 8 dengan yang berikut:

"(*a*) a project for manufacturing or processing undertaken by a company in expanding or modernising its existing business in respect of a product or any related product within the same industry or in diversifying its existing business into any related product within the same industry; or".

## BAB III

## PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN 1967

**30.** Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.

**31.** Seksyen 13 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 13. *Akta 54.*

"Provided that this Part shall not apply to income of—

(*a*) a person under section 4A of the principal Act; or

(*b*) a person (other than a company) not resident in Malaysia for the basis year for a year of assessment in respect of services performed or rendered in Malaysia as a public entertainer, as defined under the principal Act.".

**32.** Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 15.

(*a*) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Where section 45(2) of the principal Act applies to an individual and his wife or wives for

a year of assessment, the reference in section 16 to his development income for that year of assessment shall be taken as regards that individual to be a reference to the aggregate of his development income (if any) and her development income or, as the case may be, to the aggregate of his development income (if any) and the development income of each of those wives for that year of assessment, and any development source of that wife or, as the case may be, each of those wives shall be deemed to be his development source.";

*(b)* dengan menggantikan perkataan-perkataan "Subject to subsection (3), where" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "Where"; dan

*(c)* dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 16.

**33.** Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "four" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "rate of" dalam perenggan *(a)* dan *(b)* dengan perkataan "three".

## BAB IV

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

**34.** Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 18. *45/67.*

**35.** Seksyen 18 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "twenty-five" di mana-mana jua ia terdapat dalam perenggan *(m)* subseksyen (1) dengan perkataan "fifty".

**36.** Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "twenty-five" dalam subperenggan (2) perenggan 2 dengan perkataan "fifty". Pindaan Jadual 2.

## Bab V

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

**37.** Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada pukul 4.00 petang pada 14hb Disember 1990. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 1967.

**38.** Seksyen 155 Akta Kastam 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan subperenggan (i) perenggan *(a)* subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 155. *Akta 235.*

"(i) petroleum and petroleum products; and".

**39.** Seksyen 158 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 158.

*(a)* dengan memotong perkataan-perkataan "intoxicating liquor, tobacco, cigars, cigarettes, matches,"; dan

*(b)* dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan-perkataan "petroleum products", perkataan-perkataan "petroleum and".

**40.** Seksyen 160 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 160.

*(a)* dengan memotong perkataan-perkataan "intoxicating liquors, tobacco, cigars, cigarettes, matches,"; dan

*(b)* dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan-perkataan "petroleum products", perkataan-perkataan "petroleum and".

## BAB VI

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

**41.** (1) Seksyen 42, 43 dan 44 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991.

(2) Seksyen 45, 46 dan 47 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada pukul 4.00 petang pada 14hb Disember 1990.

Pindaan seksyen 2. *Akta 64*.

**42.** Seksyen 2 Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "satu" yang terdapat dalam takrif "tempoh cukai" dengan perkataan "dua".

Pindaan seksyen 19.

**43.** Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua belas" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan "enam".

Pindaan seksyen 71.

**44.** Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sa-bulan" yang terdapat dalam nota birai dan seksyen itu dengan perkataan-perkataan "dua bulan".

Pindaan seksyen 73.

**45.** Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan *(a)* dengan yang berikut:

"*(a)* tiada apa-apa cukai jualan kena dibayar atas apa-apa barang kena cukai yang diimport ke Labuan atau yang dipindah ke Labuan dari kawasan utama kastam, melainkan mana-mana barang kena cukai yang dari semasa ke semasa diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;".

Pindaan seksyen 77.

**46.** Seksyen 77 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "minuman keras, tembakau, cherut, rokok atau" dan "lain" yang terdapat dalam proviso kepadanya.

**47.** Seksyen 79 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "minuman keras, tembakau, cherut, rokok dan" dan "lain" yang terdapat di dalamnya. Pindaan seksyen 79.

## Bab VII

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

**48.** Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

**49.** Seksyen 2 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan takrif "tempoh yang kena dibayar cukai" dengan yang berikut: Pindaan seksyen 2. *Akta 151.*

> ' "tempoh yang kena dibayar cukai" ertinya, tertakluk kepada seksyen 12 (2), dua bulan kalendar atau sebahagian daripadanya berakhir pada hari terakhir bagi bulan kalendar yang kedua itu.'.

**50.** Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "satu" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "dua". Pindaan seksyen 12.

## Bab VIII

### PINDAAN KEPADA AKTA EKSAIS 1976

**51.** Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada pukul 4.00 petang pada 14hb Disember 1990. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Eksais 1976.

**52.** Seksyen 88 Akta Eksais 1976 adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan ", mancis, liquor yang memabukkan, tembakau, cerut, rokok" dalam perenggan (i). Pindaan seksyen 88. *Akta 176.*